



03 APR, 2025

20 agensi mula siasat

Harian Ekspres (KK), Malaysia



20 agensi mula siasat

KUALA LUMPUR: Dalam tempoh 24 jam selepas kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya yang berjaya dipadamkan sepenuhnya pada 3.45 petang Selasa, 20 agensi pada Rabu mula digerakkan untuk memulakan siasatan dan pemeriksaan tahap keselamatan di lokasi kejadian.

Antara agensi yang dilaporkan terlibat ialah Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, Jabatan Kerja Raya, pihak berkuasa tempatan serta pejabat daerah di kawasan terlibat.

Ketua Polis Subang Jaya ACP Wan Azlan Wan Mamat yang ditemui di Pos Kawalan Tempat Kejadian berkata satu taklimat akan diadakan bersama semua agensi terlibat bagi menjalankan siasatan dan tindakan susulan yang perlu dilakukan di lokasi kejadian.

Beliau berkata setakat ini, Jalan Persiaran Harmoni ditutup secara berperingkat bagi memudahkan pergerakan pasukan keselamatan, namun akan dibuka secara berperingkat kepada penduduk terjejas, yang kelihatan sudah berkumpul di lokasi kejadian seawal 7.30 pagi Rabu bagi mengetahui status rumah mereka. Ketua Pengarah JBPM Datuk Nor Hisham Mohammad pula berkata pihaknya memulakan beberapa gerak kerja utama termasuk penaksiran kerugian terhadap rumah dan kenderaan yang terjejas susulan insiden letupan paip gas itu.

“Kita akan bersama TNB untuk membuat penilaian situasi berhubung pendawaian elektrik khususnya pada yang terdedah, lihat sama ada pendawaian itu selamat atau perlu tindakan lanjut bagi membolehkan penyambungan segera di kawasan berkenaan,” katanya kepada Bernama.